

DATE: 15/11/2009

Masih ramai generasi muda minat sertai Umno

Dr Mahathir mahu cawangan tak sekat kemasukan ahli

Oleh Veena Rusli
veena@bharian.com.my

KOTA KINABALU: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yakin Umno masih relevan di kalangan sebahagian besar generasi muda berpendidikan tinggi yang berminat menyertai perjuangan Umno, dengan syarat parti ikhlas membuka pintu seluas-luasnya bagi menerima mereka.

Beliau berkata, tanggapan kononnya golongan muda beralih daripada menyokong Umno sebenarnya berpunca daripada sikap ahli parti itu sendiri terutama pada peringkat cawangan yang menolak kemasukan generasi itu kerana bimbang akan kedudukan mereka tergugat.

"Apabila anak muda berkelulusan tinggi menghantar borang nak jadi ahli Umno, ketua cawangan sekat kerana mereka bimbang orang muda yang ada ijazah ambil alih jawatan mereka. Saya tahu kerana ramai yang datang jumpa saya di pejabat, mengadu mereka nak masuk Umno, tetapi ada sekatan. Ini menunjukkan Umno masih relevan di mata mereka.

"Cuba tengok Pas. Dulu Pas cuma ada ulama yang menggunakan agama untuk politik, sekarang dalam Pas sudah ramai orang berkelulusan tinggi. Ada doktor, jurutera dan peguam kerana mereka terima sesiapa saja, malah ada yang hari ini jadi ahli (Pas) esok jadi calon pilihan raya.

"Jika itu berlaku dalam Umno, kita akan memberontak. Hakikatnya, kita tidak lakukan sesuatu untuk menarik minat orang muda. Kalau kita dampingi mereka,



MUSA menyampaikan cenderamata kepada Dr Mahathir selepas majlis Wacana Ilmu di Pacific Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, semalam.

ambil tahu perkara membuat mereka tidak senang hati dengan Umno, kita boleh ubah untuk menarik sokongan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog selepas majlis wacana ilmu anjuran bersama Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno Sabah di Pacific Sutera Harbour Resort di sini, semalam.

“Saya tahu kerana ramai yang datang jumpa saya di pejabat, mengadu mereka nak masuk Umno, tetapi ada sekatan”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

Hadir sama, Ketua Menteri merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Ketua Wanita Umno Sabah, Senator Datuk Armani Mahiruddin; Ketua Pemuda Umno Sabah, Azman Ruslan dan Naib Ketua Puteri Umno Sabah, Zakiah Kalipunya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir mengingatkan pemimpin Umno khususnya dan Barisan Nasional (BN) secara amnya supaya sentiasa menghargai setiap undi rakyat bagi membolehkan parti itu kekal sebagai kerajaan sejak merdeka.

Katanya, Umno mesti dipertahankan sebagai parti keramat yang diwujudkan bagi memperjuangkan nasib agama, bangsa dan negara kerana jika matlamat asalnya dilupakan, ia akan ditolak rakyat dan lama-kelamaan terpinggir tanpa pem-

belaan.

"Selagi haluan Umno betul, ia akan terus relevan dan disokong rakyat kerana yang berkuasa di akhirnya adalah rakyat. Undi rakyat yang menentukan negara kita maju atau tidak kerana negara kalau dah hilang, kita tak akan boleh dapat balik," katanya.

Dr Mahathir turut menyetujui kemenangan besar BN Sabah pada pilihan raya umum lalu yang banyak membantu kerajaan sedia ada kekal memerintah berikutan pencapaian buruk di Semenanjung.

"Kalau di Sabah tak dapat undi, mungkinkah BN akan berkuasa lagi hari ini? Sebelum ini Semenanjung dianggap menyokong Sabah termasuk dengan membawa Umno ke negeri itu, tetapi sekarang nampaknya Sabah yang membantu Semenanjung," katanya.